

## SINOPSIS

Kajian ini membincangkan peranan wanita dalam pembangunan terutama diperingkat kampung. Ini berdasarkan pada kerja luar yang dijalankan di Kampung Pengkalan Berangan yang terletak di Daerah Marang, Trengganu. Kerja luar ini dijalankan selama lima minggu iaitu dari 23hb. Mac hingga 1hb. Mei, 1981. Bab pendahuluan menerangkan tujuan kajian, kepentingan kajian, bidang kajian, kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa menjalankan kajian, konsep peranan wanita dan definisi kerja. Bab pertama memperkenalkan kawasan kajian dan latar belakang responden. Sementara bab kedua menguraikan peranan wanita dalam kegiatan ekonomi. Dalam bab kedua ini diterangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi beroorak pertanian dan ekonomi yang beroorak bukan pertanian. Ekonomi yang beroorak bukan pertanian ialah berkedai, membaut kueh-mueh untuk jualan, mengonyam tikar dan berjaja. Dalam bab ketiga diterangkan berkenaan dengan peranan wanita dari segi sosial iaitu peranan dan penglibatan wanita dalam rumah tangga dan peranan mereka di luar rumah. Dalam bab keempat memperkatakan tentang faktor yang membolehkan dan yang menghalang wanita terlibat dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Faktor-faktor ini termasuk umur, taraf perkahwinan, bilangan anak dan pendapatan suami. Bab yang terakhir sekali iaitu kesimpulan dari kajian yang dibuat. Ini disertai dengan sedikit sebanyak buah fikiran dari pihak pangkaji tentang kawasan yang dikaji.